

14 MAY 1999

APEC-MAHATHIR

CAMDESSUS TIDAK DAPAT BERTEMU DR MAHATHIR KERANA JADUAL KETAT

Oleh: Jamaluddin Mohamed

LANGKAWI, 14 Mei (Bernama) -- Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus tidak dapat bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan jadual yang ketat.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata Camdessus menunjukkan minat untuk bertemu Dr Mahathir dan Pejabat Perdana Menteri juga telah memberikan masa tertentu bagi pertemuan itu tetapi ketua IMF itu tidak dapat bersetuju dengan masa yang dicadangkan tersebut.

"Seperti yang anda tahu PM masih berada di Sabah dan jadualnya sangat sibuk manakala Camdessus pula akan membentangkan kertas kerja di Langkawi esok pagi," katanya kepada sidang akhbar sebelum menjelang Mesyuarat Menteri Kewangan Apec Ke-Enam, di sini.

Camdessus dijadualkan tiba di sini esok untuk menghadiri mesyuarat Langkawi.

Menjawab soalan lain sama ada Dr Mahathir enggan menemui Camdessus, Mustapa menegaskan pertemuan itu tidak dapat diadakan berikutan jadual yang ketat.

Mengulas mengenai pertemuan antara Presiden Bank Dunia James D. Wolfensohn dengan Presiden Parti Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam, Mustapa berkata "rakyat Malaysia boleh menemui sesiapa sahaja yang mereka mahu."

"Di Malaysia kita tiada sekatan untuk rakyat menemui sesiapa sahaja yang dikehendaknya sama ada rakyat Malaysia sendiri ataupun orang asing. Kami percaya rakyat Malaysia boleh berfikiran rasional dan memikirkan mana yang baik dan buruk bagi negara," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, secara umumnya Malaysia, seperti negara lain, tidak suka orang asing campur tangan dalam hal ehwal dalamannya.

Wolfensohn juga berada di Malaysia untuk menghadiri mesyuarat yang sama.

Mengenai persediaan bagi mesyuarat esok Mustapa berkata 500 orang dijangka menyertai mesyuarat itu di mana ia akan menumpukan kepada reformasi kepada sistem kewangan antarabangsa walaupun terdapat petanda kestabilan dalam ekonomi dunia ketika ini.

-- BERNAMA

JM ZK MA